Ahlus Sunnah Wal Jamaah: Ketahanan Tradisi dalam Arus Perubahan Islam Kontemporari

BITARA
Volume 9, Issue 2, 2026: 172-186
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 19 April 2026
Accepted: 19 May 2026
Published: 17 June 2026

[Ahlus Sunnah Wal Jamaah: Tradition Resiliency In Facing Islamic Contemporary Trasition]

Ahmad Syahid Azalan[1*], Siti Jamilah Mohd Sukri[2], Azhar Jaafar[1], Norazman Lot[3] & Nawaj Nadzri[3]

1 Institut Peradaban Islam Antarabangsa, UCYP University, Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang Tanjung Lumpur 26060, Kuantan, Pahang
2 Fakulti Sains al-Quran, UCYP University, Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang Tanjung Lumpur 26060, Kuantan, Pahang
3 Fakulti Pendidikan dan Pengajian Umum, UCYP University, Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang Tanjung Lumpur 26060, Kuantan, Pahang

*Corresponding Author: ahmadsyahid@ucyp.edu.my

Abstrak

Ahlussunnah wal Jamaah (ASWJ) sudah lama dikenali sebagai aliran utama dalam pemikiran Islam yang menjadi tiang utama bagi majoriti umat Islam di seluruh dunia. Artikel ini membincangkan secara mendalam perkembangan sejarah ASWJ bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW dan para Khalifah al-Rasyidin, kemudian menyentuh pembentukan mazhab akidah Asy'ariyah dan Maturidiyah serta empat mazhab hukum (fiqh) utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Kajian turut menyentuh sejarah penyebaran ASWJ di Nusantara.. Kajian ini juga mencakupi perbandingan antara ASWJ dengan aliran-aliran yang bertentangan seperti *Syiah, Khawarij, Muktazilah, Jabariyah, Qadariyah* dan *Wahhabiyyah* dari aspek teologi, hukum dan tasawuf. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan teks-teks klasik dan kontemporari serta pendekatan perbandingan. Hasil kajian menunjukkan ASWJ masih berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai mazhab utama kerana sifatnya yang sederhana, seimbang dan berpegang teguh kepada prinsip Al-Quran, As-Sunnah serta akal fikiran. Artikel ini juga turut mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengikut aliran ASWJ dalam menghadapi era modenisasi. Antaranya ialah pengaruh aliran pemikiran l*iberalisme*, *ekstremisme* dan penggunaan media sosial secara meluas yang berpotensi memberikan pengaruh yang kuat terhadap pegangan akidah umat Islam. Selain itu, kajian ini juga menekankan peranan institusi agama, ulama dan sistem pendidikan dalam memastikan ketahanan aliran akidah ASWJ, terutamanya di kawasan-kawasan Nusantara. Secara tuntasnya, penulis berpendapat pendekatan elemen *wasatiyyah* dan aspek pendidik secara *syumul* adalah mekanisme utama untuk memastikan aliran akidah berteraskan ASWJ kekal relevan dan tetap diamalkan dalam kalangan umat Islam di rantau ini.

Kata kunci: Ahli Sunnah Wal Jamaah, akidah, mazhab fiqh, aliran pemikiran Islam, wasatiyyah, cabaran moden.

Abstract

Ahlussunnah wal Jamaah (ASWJ) has long been recognized as the predominant stream of Islamic thought, serving as the foundational pillar for the global Muslim majority. This article provides an in-depth discussion on the historical development of ASWJ, commencing from the era of Prophet Muhammad (SAW) and the Companions of the Prophet (Khulafa al-Rasyidin). It subsequently addresses development of the Ash'arite and Maturidite theological schools, as well as the four principal schools of jurisprudence (fiqh): Hanafi, Maliki, Shafi'i, and Hanbali. The study encompasses a comparative analysis between ASWJ and divergent sects such as Syiah, Khawarij, Mu'tazilah, Jabariyah, Qadariyah, and Wahhabism examining them through theological, jurisprudential, and Sufistic lenses. This research employs a qualitative approach, implements content analysis of both classical

and contemporary texts alongside a comparative analysis. The findings indicate that ASWJ has successfully maintained its status as a dominant school of thought due to its principles of moderation, equilibrium, and steadfast in line with the principles of Quran, Sunnah, and rational inquiry ('aql). Furthermore, this article examines the challenges encountered by ASWJ devotees in navigating the era of modernization. Key challenges include the influence of liberalism ideologies, extremism, and the pervasive use of social media that significantly affecting the theological convictions of the Muslim community. Additionally, the study highlighting the pivotal role of religious institutions, scholars (ulama), and the educational system in ensuring the resilience of the ASWJ creed, particularly within the Nusantara region. In a nutshell, the author opined that the integration of wasatiyyah (moderation) and a holistic educational approach constitute the primary mechanisms for ensuring that the ASWJ-based creed remains relevant and practiced among Muslims in this region.

Keywords: Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, creed (ʿaqidah), schools of fiqh, Islamic schools of thought, wasatiyyah, modern challenges.



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Ahmad Syahid Azalan, Siti Jamilah Mohd Sukri & Azhar Jaafar. (2026). Ahlus Sunnah Wal Jamaah: Ketahanan Tradisi dalam Arus Perubahan Islam Kontemporari [Ahlus Sunnah Wal Jamaah: Tradition Resiliency In Facing Islamic Contemporary Trasition]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(2): 172-186.

PENGENALAN

Ahlus Sunnah wal Jamaah (ASWJ) bukan hanya satu mazhab dalam Islam, malah merupakan satu kerangka pemikiran yang menyeluruh. Ia melibatkan aspek akidah, syariah dan akhlak yang didasari daripada ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Fahaman ASWJ merupakan ajaran agama Islam berteraskan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para sahabat ketika diawal perkembangannya. Wahab dan Hamat (2018), ASWJ berperanan sebagai pemangkin dalam pemikiran Islam yang seimbang antara penggunaan dalil naqli dan aqli. Firman Allah SWT :

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّـهَ ۖ إِنَّ اللَّـهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

> Maksudnya: "Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya)." (Surah al-Hasyr: 7).

Sejarah perkembangan fahaman ASWJ ini muncul sebagai jawapan terhadap perpecahan umat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Munculnya aliran-aliran akidah seperti Syiah, Khawarij dan Muktazilah telah mencetuskan keperluan untuk menyatukan kembali umat Islam di bawah satu kerangka akidah dan feqah yang jelas. Perkembangan fahaman ini mencapai puncaknya dengan kemunculan dua aliran akidah utama, iaitu Asy'airiyah dan Maturidiyah, yang kemudiannya diterima oleh kebanyakan umat Islam Sunni

di keseluruhan dunia (Zuhri, 2013). Dalam konteks Nusantara, ASWJ telah menyebar luas melalui aktiviti perdagangan, dakwah dan pengajaran di institusi pondok dan pesantren. Mazhab Syafi'i telah menjadi pegangan fikah yang dominan di rantau ini, manakala akidah Asy'airiyah dan amalan tasawuf yang sederhana diterima sebagai sebahagian daripada tradisi keislaman masyarakat Melayu (Jalil, 2020). Artikel ini bertujuan untuk menganalisis secara menyeluruh perkembangan sejarah ASWJ, prinsip-prinsip asasnya dan perbandingan dengan aliran-aliran akidah yang lain serta cabaran yang dihadapi di dalam era moden ini . Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis teks-teks primer dan sekunder yang berkaitan dengan ASWJ, serta merujuk kepada kajian-kajian ilmiah yang lain.

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH

Zaman Rasulullah SAW dan Khula' al-Rasyidun

Pada zaman Rasulullah SAW, orang Islam bersatu di bawah satu keyakinan dan undang-undang yang sama tanpa ada kecacatan dalam cara beragama. Baginda SAW telah memberi arahan yang jelas tentang al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama ajaran Islam. Namun, dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Turmudhi, Baginda menyimpulkan bahawa orang Islam akan berpecah kepada 73 kumpulan, dan hanya satu kumpulan yang mengikuti ajaran Baginda serta para sahabat. Pada zaman ini, tidak wujud sesuatu aliran atau mazhab secara formal kerana adanya Rasulullah SAW sebagai rujukan utama sekiranya terdapat sebarang isu yang muncul terutamanya baginda mendapat wahyu secara langsung daripada Allah SWT melalui malaikat Jibril (Alfa, 2015).

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, sistem khilafah diteruskan oleh *Khulafa' al-Rasyidin*. Pada masa ini, orang Islam masih berada dalam kesatuan terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan pegangan akidah walaupun terdapat beberapa perbezaan pendapat dalam hal-hal yang lain. Namun, kejadian pembunuhan Khalifah Uthman ibn Affan telah menimbulkan konflik yang menyebabkan munculnya kumpulan Khawarij, Jabariyah, Ahlussunnah wal Jamaah dan Syiah yang menjadi permulaan kepada perpecahan dalam dunia Islam. Penentangan yang pada awalnya bermula disebabkan oleh perbezaan politik membawa kepada perbezaan akidah dalam kalangan umat Islam. Ini membawa kepada penyebaran fitnah-fitnah sehingga boleh mengganggu gugat kedudukan khalifah *khulafa' al-rasyidun* sebagai pemimpin yang dihormati. Sebagai contoh, kemunculan fitnah yang dicetuskan oleh seorang pendeta berbangsa Yahudi bernama Abdullah bin Saba' telah menyebabkan umat Islam hilang kepercayaan kepada Saidina Uthman bin Affan. Selepas kewafatan Rasulullah SAW, Saidina Ali bin Abi Talib telah mengambil alih tampuk kepimpinan. Berlakunya konflik terbesar pada zaman ini iaitu, *Fitnatul Kubra* dan peristiwa *Tahkim* (perjanjian damai) di *Daumat al-Jandal*. Konflik ini telah membawa kepada peperangan besar antara Muslim, seperti Perang *Siffin* iaitu, Saidina Ali melawan Saidina Mu'awiyah dan Perang *Jamal* iaitu, Saidina Ali melawan Saidina Aisyah (Alfa, 2015).

Kemunculan Mazhab Akidah: Asy'ariyah dan Maturidiyah

Pada zaman ketiga dan keempat selepas Hijrah, umat Islam telah melalui perkembangan zaman ilmu kalam (teologi Islam) yang gelap. Kemunculan golongan Muktazilah yang hanya mengutamakan akal fikiran melebihi wahyu telah menyebabkan ulama' daripada aliran ASWJ menentang pandangan tersebut lalu. Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari (wafat pada tahun 324H) yang pada awalnya merupakan salah seorang pengikut Muktazilah, telah meninggalkan aliran tersebut dan menubuhkan mazhab Asy'ariyah sebagai mekanisme untuk menentang fahaman rasionalis yang berlebihan (Hatta, 2013). Pada masa yang sama, Imam Abu Mansur al-Maturidi (wafat pada tahun 333H) juga menubuhkan mazhab Maturidiyah yang menekankan keseimbangan antara akal dan wahyu. Kedua-dua Mazhab ini telah diterima sebagai dasar akidah ASWJ, dengan mazhab Asy'ariyah berkembang di kawasan yang majoritinya bermazhab Syafi'i dan Maliki, manakala mazhab Maturidiyah lebih diterima oleh pengikut mazhab Hanafi (Zuhri, 2013).

Pandangan akidah Abu Mansur al-Maturidi merupakan salah satu tonggak utama dalam aliran Ahl al-Sunna wa'l-Jama'a. Beliau terkenal dengan pendekatannya yang mensintesiskan antara akal (*aql*) dan wahyu (*naql*) secara bebas dan kritis. Sebagai pengikut mazhab Hanafi dalam fiqh, metodologi teologinya banyak dipengaruhi oleh pendekatan rasionalis *ahl al-ra'y.* Walau bagaimanapun, kebergantungan kepada *'aql* wajib diimbangi dengan pandangan wahyu. Tidak seperti golongan muktazilah yang terlalu liberal dalam menggunakan pendekatan akal fikiran sehingga mengetepikan pendekatan wahyu (Nasir, 2025).

Perkembangan Mazhab Fiqh

Dalam bidang fiqh, ASWJ diwakili oleh empat mazhab utama yang masih menjadi pegangan hingga kini:

Mazhab Hanafi: Mazhab ini diasaskan oleh Imam Abu Hanifah (w. 150H) dan terkenal dengan penggunaan akal secara luas melalui kaedah *qiyas* dan *istihsan*. Mazhab ini diterima luas di Asia Selatan, Turki dan sebahagian wilayah Arab (Arif, 2013). Abdullah et al., (2022) telah menganalisis secara terperinci pegangan akidah Mazhab Hanafi. Antara tokoh ulama' besar yang menisbahkan pegangan akidah kepada Mazhab Hanafi ialah Muhammad al-Shaybani. Secara umumnya, Mazhab Hanafi merupakan mazhab yang dominan di wilayah Asia Selatan, khususnya di negara-negara seperti Pakistan dan India. Di Malaysia dan Brunei, Mazhab Hanafi turut diaplikasi dalam konteks maslahah terutamanya jika ada bertentangan dengan pandangan mazhab Syafii melalui pelaksanaan *ijmak' ulamak.*

Mazhab Maliki: Mazhab ini diasaskan oleh Imam Malik ibn Anas (w. 179H) dan lebih mementingkan amalan penduduk Madinah sebagai sumber hukum. Mazhab ini mendominasi di Afrika Utara dan Barat (Arif, 2013). Mazhab Maliki merupakan salah satu daripada empat mazhab utama dalam tradisi Ahlussunnah Sunnah wal Jamaah yang mempunyai ciri khas tersendiri, terutamanya dalam metodologi pengambilan hukum.

Mazhab Maliki berpegang kepada lima sumber utama dalam penetapan hukum iaitu, *Al-Quran, Sunnah* (Hadis Nabi), *Ijmak* (Kesepakatan ulamak), *Qiyas* dan *amal ahl-al-madinah*. Selain itu, mazhab ini memberikan perhatian yang besar kepada konsep *Al-Maslahah Al-Mursalah,* iaitu mempertimbangkan kemaslahatan umum atau kepentingan masyarakat walau

tidak disebut secara jelas di dalam al-Quran. Pendekatan ini menunjukkan fleksibiliti mazhab Maliki dalam menjawab keperluan zaman mengikut prinsip keadilan dan melihat kemaslahatan ummah secara umumnya. Karya yang paling agung dalam mazhab ini ialah kitab *Al-Muwatta'*. Kitab ini merupakan kompilasi hadis dan fatwa hukum yang disusun secara sistematik, menggabungkan riwayat hadis dengan pandangan para sahabat serta tabiin. Kitab *Al-Muwatta'* dianggap sebagai salah satu karya ilmiah terawal yang menjadi rujukan penting dalam sejarah hukum Islam (Saputra et al., 2026).

Mazhab Syafi 'i: Mazhab ini diasaskan oleh Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi 'i (w. 204H) dan menggabungkan cara ahli hadis serta ahli *ra'yi*. Mazhab ini paling banyak dipelajari di Asia Tenggara, Mesir dan sebahagian Afrika Timur (Arif, 2013). Antara karya agung mazhab Syafii' ialah *Al-Umm, al-Risalah*, dan *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab.*

Di Malaysia, mazhab Syafii mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dan diwartakan dalam perundangan negeri sebagai rujukan utama fatwa, penetapan hukum dan rujukan utama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran terutamanya yang berkaitan dengan ajaran Islam. Mazhab Syafii dianggap sebagai wadah penyatuan ummah di Malaysia kerana ia telah sebati dengan *uruf* (adat) setempat dan terutamanya dan perkara-perkara berkaitan dengan amalan ibadah, urusan perkahwinan (Abdullah et al., 2022).

PRINSIP AKIDAH AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH

Asya'riyyah

Mazhab Asy'ariyah mengambil prinsip kesederhanaan dalam memahami sifat-sifat Allah. Mereka percaya bahawa sifat-sifat seperti ilmu dan kuasa Allah adalah sebenar, tetapi tidak sama seperti sifat makhluk. Aliran ini tidak menggunakan *takwil* (penterjemahan metafora) melainkan dalam situasi yang tertentu dan lebih memilih dalam menyerahkan makna sebenar kepada Allah (Zuhri, 2013). Dalam isu qada' dan qadar, Asy'ariyah percaya bahawa manusia mempunyai pilihan, tetapi pilihan itu tidak melebihi ketentuan Allah. Pendekatan ini berbeza dengan Jabariyah yang menolak pilihan manusia sama sekali dan Qadariyah yang memberi kebebasan penuh kepada manusia (Wahiddin et al., 2021**).** Prinsip akidah Asyairah secara umumnya berteraskan kepada konsep kesederhanaan (*wasatiyyah*) dan keseimbangan (*tawazun*). Aliran ini, yang diasaskan oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari yang mengambil pendekatan kesederhanaan dalam bab-bab ibadah dan akidah berasaskan kombinasi seimbang antara al-Quran, al-Sunnah, dan akal fikiran yang sahih. Asya'irah melihat akal sebagai fungsi utama dalam menyusun logik berpandukan sumber-sumber yang sahih. Selain itu, berpandangan sifat Allah SWT tidak boleh disamakan sama sekali dengan makhluk kerana sifat Allah SWT adalah suci. Aliran ini juga turut menggunakan kaedah *Ta'wil* dan *Tafwid* untuk membincangkan nas-nas *mutashabihat*. Seterusnya, aliran ini juga turut menolak pendekatan taklid buta iaitu, usul selidik tanpa melalui proses ijtihad secara sahih. Ini kerana pembudayaan taklid buta akan membawa kepada penyimpangan akidah hasil daripada kegagalan menggunakan hujah akal yang betul dalam memahami nas (Azmil, t.t).

Maturidiyah

Mazhab Maturidiyah memberi kepentingan yang lebih besar kepada akal dalam memahami agama. Menurut aliran ini, manusia dapat memahami keberadaan Allah dan beberapa hukum dasar sebelum nabi membawa wahyu. Namun, wahyu tetap diperlukan untuk mengetahui hukum-hukum yang lebih spesifik serta perkara-perkara yang tidak jelas (Muniroh, 2019). Dalam memahami sifat-sifat Allah, Maturidiyah lebih terbuka untuk menjelaskan makna ayat-ayat yang tersirat berbanding Asy'ariyah, terutamanya dalam menterjemahkan ayat-ayat yang mempunyai makna yang samar. Perbezaan ini tidak membawa kepada perbezaan dasar tetapi menunjukkan kebebasan dalam cara memahami agama (Zuhri, 2013)

Akidah Al-Maturidiyah diasaskan oleh Abu Mansur Muhammad ibn Muhammad al-Maturidi dan merupakan salah seorang Beliau diiktiraf sebagai salah seorang daripada tiga tokoh utama dalam mazhab Ahl al-Sunnah wal-Jamaah, di samping Abu al-Hasan al-Ash'ari dan Abu Ja'far al-Tahawi. Aliran akidah ini turut menekankan aspek *wasatiyyah* terutamanya dalam menggabungkan sumber *naqli* (tradisional/wahyu daripada al-Quran dan Sunnah) dengan sumber *'aqli* (rasional/akal). Antara prinsip utama akidah ini dalam memahami sifat-sifat Allah SWT ialah menolak fahaman mu'tazilah yang menafikan sifat-sifat Allah yang mempunyai sifat sejak azali. Selain itu, berpegang prinsip dengan *Laysa kamithlihi shay'* (Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya), iaitu merujuk kepada sifat Allah yang mustahil sama dengan makhluk. Aliran ini turut berpegang kepada kepercayaan bahawa orang beriman boleh melihat Allah SWT pada hari kiamat. Namun, mereka menegaskan bahawa hakikat atau cara (kaifiat) bagaimana Allah dilihat tidak diketahui secara tepat oleh manusia (Rofiq, 2009).

TASAWUF DALAM AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH

Antara ulama' yang muktabar dalam bidang tasawuf yang berpegang dengan aliran Ahlus sunnah wal Jamaah ASWJ ialah Imam al-Ghazali, Imam al-Junayd al-Baghdadi dan Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Mereka amat menekankan proses penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) sebagai satu komponen penting kepada pemahaman tentang akidah dan praktikal fiqh. Konsep ihsan pusat kepada tasawuf ASWJ merujuk kepada perbuatan ibadat kepada Allah seolah-olah kita melihat-Nya atau sekurang-kurangnya meyakini bahawa Allah sentiasa memperhatikan hamba-Nya. Konsep ini mendorong umat Islam mencapai tahap keikhlasan dalam ibadah dan akhlak (Bakri, 2020). Tasawuf ASWJ tidak membawa kepada ibadat yang bertentangan dengan syariat seperti fahaman *hulul* (penyataan Tuhan dalam diri manusia) dan *wahdatul wujud* (kesatuan wujud) yang diertikan secara langsung. Sebaliknya, tasawuf ASWJ menggalakkan kepatuhan kepada syariat sebagai asas kepada sebarang amalan rohani (Zuhri, 2013).

Fahaman tasawuf dalam kerangka Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ) merupakan salah satu daripada tiga elemen utama agama Islam yang tidak boleh dipisahkan Iman, Islam, dan Ihsan. Dalam disiplin ilmu, ihsan merupakan salah satu aspek ilmu Tasawuf yang berfungsi sebagai pelengkap kepada ilmu akidah (Iman) dan fiqh (Islam). Ulama' ASWJ menetapkan bahawa ilmu Tasawuf adalah ilmu Fardu 'Ain yang wajib dipelajari oleh setiap Muslim bersama-sama ilmu akidah dan fiqh. Peranan utama ilmuwan Tasawuf dalam ASWJ adalah untuk membimbing masyarakat mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui proses penyucian jiwa. Tasawuf yang muktabar menolak sebarang fahaman yang menyeleweng seperti

menyamakan sifat-sifat Allah SWT dengan makhluk. Aliran tasawuf ASWJ menekankan pembersihan manusia daripada sifat-sifat syirik iaitu, *syirik jali* dan *syirik khafi. Syirik jali* merujuk kepada sebarang aktiviti menyekutukan Allah SWT secara terang-terangan. *Syirik khafi* pula merujuk kepada syirik yang tersembunyi berpunca daripada *wahm*, iaitu terlalu cintakan dunia (Mokhtar, 2018).

PERBANDINGAN DENGAN ALIRAN LAIN

Syiah

Perbezaan utama antara ASWJ dan Syiah ialah dalam konsep kepimpinan. Syiah berpendapat bahawa kepimpinan umat Islam selepas Nabi Muhammad SAW adalah hak eksklusif Ahlul Bait melalui nasab tertentu manakala ASWJ menerima sistem pemilihan khalifah melalui sistem syura (Fathillah et al., 2020). Selain itu, Syiah juga mempunyai sumber undang-undang tambahan iaitu ajaran daripada imam-imam mereka, dan mereka mempunyai pandangan yang berbeza terhadap sebahagian daripada sahabat Nabi Muhammad SAW (Zuhri, 2013).

Fahaman aliran Syiah di sekitar Nusantara tidak begitu popular kerana masyarakat di Nusantara lebih serasi dengan aliran Mazhab Syafi'i yang meraikan fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Walaubagaimanapun, di Indonesia seumpamanya dianggarkan sekitar 2.5 juta orang menganut fahaman Syiah melalui organisasi seperti Ikatan Jamaah Ahlul Bait Indonesia (IJABI), Ahlul Bait Indonesia dan *Organization of Ahlul Bait for Social Support and Education* (OASE)**.** Antara prinsip utama fahaman Syiah ialah memandang tinggi terhadap konsep *Imamah* dan mempunyai isu mengenai kedudukan para sahabat Nabi Muhammad SAW yang menjadi titik perbezaan pendapat dengan golongan sunni. Selain itu, meraikan hukum perkahwinan secara kontrak atau sementara.

Kebangkitan ketara fahaman Syiah di Indonesia mendapat impak yang besar daripada peristiwa Revolusi Iran pada tahun 1979. Peristiwa ini memberi inspirasi kepada ramai pelajar universiti di Indonesia untuk mengikuti aliran fahaman Syiah kerana percaya membawa suatu perubahan yang besar dalam geopolitik dunia Islam. Walau bagaimanapun, perkembangan ini juga mencetuskan kebimbangan pihak kerajaan dan kumpulan Sunni konservatif yang mula menyebarkan propaganda anti-Syiah sebagai tindak balas. Sejak tercetusnya konflik Syria pada tahun 2011, sentimen terhadap fahaman Syiah di Indonesia menjadi semakin tegang dan agresif. Komuniti Syiah kini sering dianggap sebagai "aliran sesat" disebabkan oleh fahaman secara radikal yang dibawa oleh komuniti ini (Syarif, 2017).

Khawarij

Khawarij bersifat ekstrem dalam mengkafirkan pelaku dosa besar dan menolak kepimpinan yang tidak memenuhi kriteria mereka. Mereka juga mengkafirkan Saidina Ali dan Uthman, suatu pandangan yang ditolak oleh ASWJ (Nugraha et al., 2024). Khawarij sering melancarkan pemberontakan terhadap pemerintah yang dianggap tidak adil, suatu pendekatan yang bertentangan dengan prinsip ASWJ yang menekankan ketaatan kepada pemerintah selama tidak terarah kepada maksiat.

Fahaman Khawarij merupakan salah satu aliran pemikiran terawal dalam sejarah Islam yang muncul kira-kira pada abad ke-7 Masihi, bermula semasa era Khalifah Uthman bin Affan dan berkembang pesat semasa pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Talib. Istilah 'Khawarij' berasal daripada perkataan Arab *kharaja* yang bermaksud 'keluar atau "mereka yang memisahkan diri," merujuk kepada tindakan mereka meninggalkan tentera. Antara prinsip-prinsip utama fahaman ini adalah bersifat radikal dan tegas kerana meyakini Allah SWT sahaja yang berhak memerintah dan menetapkan undang-undang. Prinsip ini dizahirkan melalui slogan terkenal mereka, *la hukma illa Allah* (tiada hukum melainkan hukum Allah), yang digunakan untuk menolak legitimasi pemerintahan manusia, termasuk Khalifah Ali. Selain itu, golongan ini sangat mudah menjatuhkan hukum kafir terhadap Muslim lain yang tidak bersetuju dengan mereka. Mereka juga turut menghalalkan pemberontakan terhadap pemerintah yang dianggap tidak adil mengikut piawaian mereka. Bahkan, menganggap juga menentang pemerintah yang dianggap zalim dilihat sebagai kewajipan bagi setiap Muslim (Ranti Ayu, 2023).

Muktazilah

Fahaman aliran Muktazilah lebih menghargai akal daripada wahyu dan menolak sifat-sifat Allah yang boleh membawa kepada pemahaman seperti manusia. Mereka juga memperkenalkan konsep "*al-manzilah bayna al-manzilatain*" yang menjadikan orang yang berdosa besar berada di antara iman dan kufur (Hatta, 2013). Pendekatan ini berbeza dengan prinsip ASWJ yang menolak keseimbangan antara *naql* dan *'aql*. Walaubagaimanapun, aliran ini telah memainkan peranan besar terhadap perkembangan pemikiran Islam awal. Antara tokoh utama dalam fahaman ini ialah Wasil bin 'Ata' berasaskan lima doktrin utama iaitu, tauhid mengesakan Allah SWT, berteraskan prinsip keadilan dalam menghukum manusia berdasarkan hak kebebasan yang diamalkan oleh mereka. Seterusnya, prinsip *Al-Wa'd wa al-Wa'id* iaitu**,** Allah memberikan pahala kepada orang yang taat dan memberikan ancaman kepada orang yang melanggar. Seterusnya, fahaman ini turut menekankan konsep *Al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar* iaitu, setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan kebajikan masyarakat terpelihara dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Namun, antara kekurangan bagi aliran ini ialah mereka terlalu memberikan penekanan terhadap penggunaan akal dalam mentakwil ayat-ayat al-Quran sehingga menyamakan Allah SWT seperti makhluk. Sebagai contoh, golongan Neo-Muktazilah lebih cenderung mempromosikan fahaman liberalisme dan sekularisme yang memberi penekanan kebebasan dalam berfikir (Abdul Rahman, 2020).

Wahhabiyyah

Golongan aliran Wahhabiyyah menolak cara memahami ayat-ayat yang menceritakan sifat-sifat Allah dengan menggunakan takwil dan mereka memandang amalan seperti *tawassul*, *tabarruk* dan ziarah ke kubur sebagai sesuatu perkara yang baru dan membawa kepada kesyirikan. Mereka juga kurang menekankan kepentingan mazhab fiqh tradisional, dan lebih menganjurkan penggunaan ijtihad bebas (Zuhri, 2013).

Fahaman Wahabi bermula pada abad ke-18 melalui gerakan pembaharuan yang dipimpin oleh Sheikh Muhammad ibn 'Abd al-Wahhab di Najd. Terdapat tiga bentuk teras

utama aliran fahaman *wahabi* iaitu, meyakini Allah SWT sebagai satu-satunya pencipta dan pemilik alam, menisbahkan nama-nama dan sifat-sifat Allah secara mutlak dan menegaskan bahawa ibadah hanya boleh ditujukan kepada Allah semata-mata. Fahaman agama ini amat menentang sebarang perkara-perkara baharu (*bid'ah*) yang tidak mempunyai asas di dalam hadis dan al-Quran. Ini termasuklah penolakan keras terhadap amalan tradisional seperti memohon keberkatan daripada para wali. Secara keseluruhannya, fahaman *Wahabi* telah membawa suatu pembaharuan yang agak radikal dengan menolak autoriti mazhab-mazhab tradisional dan menekankan kepatuhan terus kepada al-Quran dan Sunnah mengikut pemahaman generasi awal Islam. Mereka turut mendakwa diri mereka sebagai golongan *salafi* kerana memartabatkan kefahaman Islam berteraskan pegangan hadis dan sunnah (Kamali, 2016).

Walaubagaimanapun, pengamalan aliran wahabi-Salafi Aliran Wahabi-Salafi dianggap tidak sesuai dengan budaya masyarakat yang berpegang teguh dengan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) kerana lebih mesra dengan fahaman aliran Mazhab Syafii dan Akidah *Ash'ariyyah Maturidiyyah.* Hal ini kerana ia dianggap boleh menggugat keharmonian masyarakat yang sudah sebati dengan amalan mazhab ini sejak dari awal lagi Beberapa negeri seperti Perak, Pahang, dan Johor telah mengeluarkan fatwa atau garis panduan untuk mengawal penyebaran fahaman ini (Azmil, t.t).

PENYEBARAN FAHAMAN ASWJ DI NUSANTARA

Sejarah Penyebaran

Islam telah tersebar di Nusantara pada masa antara abad ke-7 hingga ke-13 Masihi melalui aktiviti jual beli dan aktiviti-aktiviti dakwah oleh orang Arab dan India yang beragama Islam yang bermazhab syafi'i berasaskan akidah (Shahrom & Mustafar, 2021). Kerajaan-kerajaan Islam awal seperti Samudera Pasai dan Melaka menjadi pusat penyebaran ASWJ di kawasan ini (Fitriani et al., 2022; Mardiana, 2020).

Sejarah penyebaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah (ASWJ) di Nusantara bermula seawal abad ke-7 Masihi, iaitu abad pertama Hijrah, serentak dengan kedatangan Islam ke rantau ini. Aliran ini telah mendominasi pemikiran ulama Nusantara sejak zaman berzaman berteraskan fahaman Mazhab Syafi'i. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Kamarzaman et al., (2016) telah membincangkan secara mendalam sejarah kedatangan Islam di Nusantara yang kepada beberapa faktor utama.

Faktor pertama, melalui aktiviti dakwah oleh pedagang dan pendakwah dari Tanah Arab seperti Yaman, Hadhramaut, dan Oman pada abad ke-7 yang menerapkan akidah ASWJ di dalam kalangan masyarakat. Faktor kedua, kemunculan Kerajaan-Kerajaan Islam yang memperkukuhkan fahaman ASWJ seperti kerajaan Samudera-Pasai iaitu, kerajaan pertama yang menjadi pusat penyebaran Islam melalui catatan Ibnu Batutah (1345 M) ketika zaman Sultan al-Malik al-Zahir dan rakyatnya bermazhab Syafie. Selain itu, peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam terpenting di Asia pada abad ke-15, yang telah mengembangkan tradisi keilmuan ASWJ. Kemudian, kemunculan kerajaan Aceh yang berupaya menggantikan Melaka sebagai pusat dakwah. Seterusnya, melalui karya-karya penulisan yang membahaskan tentang sifat-sifat Allah SWT mengikut landasan ASWJ yang sebenar seperti *Bahr al-Lahut* yang amat

popular pada abad ke-12, *Dar al-Manzum*, *al-Aqa'id al-Nasafi* (abad ke-16 dan juga *Sifat Dua Puluh.* Kemudian, kewujudan tradisi pembelajaran akidah *Asha'irah* dan *Maturidiyah* terus diperkukuhkan dalam kalangan masyarakat Nusantara melalui institusi pondok dan pesantren. Secara tuntasnya, tradisi ASWJ di Nusantara merupakan satu rantaian sejarah yang panjang dan kukuh telah mencorak identiti keagamaan masyarakat Melayu sehingga ke masa kini.

Peranan Institusi Pendidikan Islam

Kajian yang telah dilaksanakan oleh Normadziah et al., (2023) telah membincangkan secara terperinci peranan institusi pendidikan Islam dalam memperkukuh fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Kaedah temubual telah dijalankan oleh kumpulan penyelidik ini untuk menganalisis peranan pendidik untuk menerapkan fahaman ASWJ dalam kalangan anak-anak didik. Antara maklum balas yang diberikan oleh responden dalam kalangan pendidik ialah seseorang pendidik itu harus mempunyai ilmu yang luas tentang kefahaman asas ASWJ.

Selain itu, mereka juga perlu bijak dalam menyampaikan ilmu pengetahuan tanpa melibatkan emosi. Selain itu, pendidik perlu mengambil tahu isu semasa yang berlaku di Malaysia terutamanya isu-isu yang boleh mengganggu gugat pemikiran dan akidah umat Islam daripada menyeleweng berpegang dengan aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah. Selain itu, para pendidik juga perlu membiasakan pelajar dengan sumber-sumber seperti dalil daripada al-Quran, Sunnah, Ijmak, kesepakatan para ulama dan juga *Qiyas*. Menurut informan lagi perlunya ada contoh pendekatan para sahabat supaya pelajar lebih mudah menerima informasi berkaitan *manhaj* Ahli Sunnah Wal Jamaah ini.

Oleh itu, Pendidikan Islam menekankan kemahiran dan penghayatan ilmu untuk melahirkan insan yang bertakwa (Zaharah Hussin et al., 2005). Oleh itu, guru perlu memainkan peranan yang penting untuk menonjolkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan berupaya menjadi asas utama untuk ilmu-ilmu yang lain. Menurut Makhsin et al., (2010) Pendidikan Islam berteraskan ASWJ harus disampaikan melalui pendekatan ilmu sejarah supaya kronologi penyebaran agama Islam dapat difahami dari akar umbi supaya anak-anak didik dapat memahami aplikasi Islam yang syumul untuk diamalkan tanpa mengira batas waktu, tempat dan latar belakang manusia.

Pada masa kini, sikap generasi muda yang kurang cakna dengan serangan pemikiran secara halus dan ajaran sesat menyemarakkan lagi isu penyelewengan akidah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kebanyakan mereka tidak cakna akan peri bahaya pemikiran dan ajaran sesat seperti modenisme, liberalisme, pluralisme sekularisme, syiah, Ayah Pin, Tuhan Harun dan sebagainya (Nor Azizah et al., 2019).

Hal ini terjadi disebabkan oleh kemudahan untuk memperoleh informasi menerusi rangkaian digital (Syamilatul & A'dawiyah 2022). Oleh itu, pendidik perlu mempunyai ilmu yang mantap dan meluas untuk membimbing pemikiran masyarakat agar tidak menyeleweng dari fahaman ASWJ.

Mutakhir, memartabatkan institusi pondok di Nusantara seperti di Malaysia dan Indonesia sebagai pusat pendidikan Islam yang penting untuk mempertahankan ajaran ASWJ. Institusi-institusi ini telah mengajarkan kitab-kitab klasik mazhab Syafi 'i dan akidah Asy'ariyah serta membentuk identiti keislaman masyarakat Nusantara (Munir, 2019). Beberapa ulama' besar seperti Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Abdullah Fahim dan Kiyai Haji

Hasyim Asy'ari memainkan peranan penting dalam memperkuat ajaran ASWJ di kawasan ini (Baso et al., 2017; Jalil, 2020).

CABARAN SEMASA

Di Nusantara, ASWJ menghadapi pelbagai cabaran masa kini termasuk pengaruh gerakan Wahhabiyyah yang menolak amalan tradisi, serangan idea liberal yang mempersoalkan kedudukan ulama dan mazhab serta penyebaran fahaman ekstremis melalui media sosial (Wahab & Hamat, 2018). Pengaruh media sosial juga menyebabkan fenomena "*ustaz Google*" di mana rakyat umum mengambil maklumat agama daripada sumber yang tidak sahih (Yusuf et al., 2024).

Lebih membimbangkan maklumat-maklumat yang tersebar ini membawa kepada fahaman ajaran sesat di Malaysia sebagai contohnya. Kemunculan golongan yang menyeleweng dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia bukan sahaja mampu menggugat fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Malah, ia boleh membawa kepada masalah ketidak-keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat itu sendiri. Antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penyebaran amalan sesat ialah kemasukan pelajar luar ataupun pelajar negara kita sendiri yang mengambil jurusan bidang agama di negara-negara luar.

Sebagai contoh, ada segelintir pelajar negara kita menyambung pelajaran di luar negara, lalu membawa ajaran-ajaran daripada fahaman tertentu untuk disebarkan kepada masyarakat. Lebih membimbangkan, ada yang agak ekstrem melabelkan amalan-amalan baharu sebagai sesat dan bidaah. Oleh yang demikian, apabila mereka pulang ke Malaysia dan mereka membawa amalan itu ke Malaysia. Ada yang menyebarkan kepada anak-anak murid di universiti melalui kaedah pengajaran di dalam kelas. Jadi, disebabkan oleh kekurangan ilmu, ada yang mudah terpengaruh dengan *manhaj* selain *manhaj* ASWJ. Antara medium lain ialah melalui penulisan-penulisan makalah, buku-buku dan penyebaran maklumat melalui media sosial seperti *Facebook, Instagram, Youtube, Telegram, Whatsapp* dan lain-lain. Maka masyarakat yang tidak mempunyai asas *manhaj* ASWJ akan mudah terpengaruh dan mempercayai maklumat-maklumat yang mereka peroleh. Manakala, faktor lain ialah asimilasi budaya dan fahaman daripada pendatang lain dan tersilap memilih guru untuk mendalami ilmu agama. (Normadziah et al., 2023).

CABARAN KONTEMPORARI FAHAMAN ASWJ

Liberalisme dan Sekularisme

Liberalisme merujuk kepada satu idea, fahaman, dan falsafah hidup yang meletakkan kebebasan individu sebagai prinsip dominan dalam usaha mengawal pemikiran manusia daripada mempercayai mana-mana pegangan agama. Secara umumnya, ia memperjuangkan kesamarataan dalam masyarakat tanpa terikat dan bergantung kepada kepercayaan sesuatu fahaman yang bebas. Liberalisme berpegang kepada autonomi individu yang mutlak. Dalam konteks agama, ia bertujuan melonggarkan kepercayaan keagamaan dengan membebaskan alam dan manusia daripada kebergantungan kepada Tuhan serta kitab-kitab suci yang diturunkan (Wahab et al., 2019).

Golongan liberal memperjuangkan fahaman sekularisme iaitu urusan-urusan politik dan pentadbiran rasmi kerajaan tidak boleh dicampur adukkan dengan agama. Ini kerana mereka berpandangan agama hanya perlu diamalkan secara ritual. Mereka berpendapat bahawa sesebuah kerajaan tidak boleh menggunakan sebarang dana atau kuasa untuk memberikan kelebihan kepada mana-mana agama (Kuzman, 1998).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah memutuskan bahawa aliran pemikiran liberal adalah sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam berdasarkan pegangan-pegangan pemikiran seperti meraikan fahaman pluralisme, mentafsirkan fungsi akal tanpa batasan terutamanya dalam memahami teks al-Quran mengikut peredaran zaman. Bahkan lebih membimbangkan, golongan ini mengkritik konsep mukjizat yang diragui kesahihannya. Mereka turut berusaha untuk menghapuskan institusi Islam seperti JAKIM, JAIS, dan MAIS kerana menganggap kewujudannya tidak sesuai di dalam negara yang mengamalkan prinsip demokrasi. (Wahab et al., 2019).

Di Malaysia, gerakan Sisters in Islam (SIS) antara golongan yang terang-terangan memperjuangkan fahaman Liberalisme dan Sekularisme. Antara isu-isu yang diperjuangkan ialah memansuhkan hukum khalwat kerana menganggap ianya adalah hak peribadi, menuntut kebebasan untuk keluar dari agama, menyokong budaya LGBT, dan menganggap bahawa institusi agama tidak sesuai dikekalkan kerana berpotensi menyebarkan ekstremisme (Wahab et al., 2019).

Media Sosial dan Teknologi Digital

Media sosial mengubah cara pengajaran agama klasik dengan banyak peluang dan cabaran. Pada pandangan sisi berbeza, platform digital membantu menyebar ajaran ASWJ, tetapi pada pandangan lain ia juga digunakan untuk menyebar ajaran yang salah (Yusuf et al., 2024). Ulama ASWJ perlu mempunyai pengetahuan berkaitan teknologi digital supaya mampu menyampaikan pesanan Islam dengan mudah dan seimbang. Ini kerana, antara taktik yang digunakan oleh pemimpin ajaran sesat ialah menyebarkan fahaman menerusi media sosial. Sebagai contoh, ajaran sesat yang dikenali sebagai Sittah an-Nur yang diasaskan oleh Masitah Abdul Jalar mempunyai sekitar 22 akaun telegram. Pengikutnya dianggarkan seramai 3000 orang terdiri dari golongan profesional seperti doktor, jurutera, pensyarah dan guru (Kamsani, 2024). Ajaran ini menyebarkan ajaran 'Perjalanan Mimpi Yang Terakhir' (PMYT) yang mendakwa dirinya sebagai penyelamat akhir zaman ketika Perang Dunia ke-tiga.

Selain itu, ajaran *batiniyyah* agak terkenal di Malaysia melalui media sosial khasnya di laman 'Facebook' dan 'Youtube'. Individu berpengaruh yang berkait rapat dengan ajaran seumpama ini dikenali sebagai 'Lepat' atau nama sebenarnya ialah Ismail bin Ariffin. Bahayanya ajaran ini kerana mempercayai ibadah solat tidak perlu dilaksanakan sekiranya mana-mana sudah berada di tingkatan makrifat yang tinggi hampir dengan Allah. Penggunaan media berjaya menarik segelintir masyarakat Islam secara halus lebih-lebih lagi penggunaan media sosial tanpa sempadan. Justeru, individu-individu yang terlibat dengan ajaran Batiniah seperti Ismail bin Ariffin (Lepat) dan seumpamanya semestinya diharamkan dan akan diambil tindakan dengan mewartakannya sebagai satu bentuk ajaran sesat di Malaysia seperti yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis ke-45 yang bertarikh 25 sehingga 26 Februari tahun 2020 (Abdul Fatah, 2010).

KESIMPULAN

ASWJ telah menunjukkan ketahanannya sebagai mazhab utama dalam kalangan umat Islam selama lebih dari seribu tahun. Kelebihan ASWJ terletak pada cara pendekatannya yang dinamik, iaitu mengimbangi antara wahyu dan akal, antara tradisi dan kemajuan serta antara aspek luar dan dalam agama. Untuk memastikan ASWJ terus berkembang dan bertahan menghadapi cabaran masa kini, beberapa langkah perlu diambil: Pertama, institusi pengajian seperti universiti, pondok dan pesantren perlu memastikan kurikulum ASWJ yang menyeluruh, yang mengandungi pelajaran mengenai akidah, fiqh dan tasawuf. Kedua, ulama perlu mahir menggunakan platform digital untuk menyebarkan ajaran ASWJ kepada kalangan muda secara lebih berkesan. Ketiga, kajian akademik mengenai ASWJ perlu ditingkatkan supaya dapat menjawab cabaran pemikiran masa kini. Keempat, institusi agama di peringkat antarabangsa perlu bekerjasama untuk menyebarluaskan *ikhsan* pendekatan *wasatiyyah* yang menjadi ciri utama ASWJ. Kelima, program kesedaran awam perlu dijalankan bagi membantu masyarakat memahami kepentingan memperkukuh ajaran ASWJ. Dengan kerjasama dan komitmen dari semua pihak, ASWJ akan terus berperanan sebagai penstabil dalam dunia Islam, menawarkan jalan tengah antara pelbagai fahaman ekstrem, dan memastikan keberlanjutan tradisi Islam yang berpandukan al-Quran dan Sunnah.

PENGHARGAAN

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Ilmu Darul Makmur, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas pemerkasaan Fiqh al-Watan di negeri Pahang dan tajaan geran penyelidikan bertajuk *"Fiqh al-Biah: Gabungjalin Ekonomi dan Teknologi Bermatlamatkan Kelestarian Alam Sekitar Negeri Pahang"*.

Rujukan

Abdullah, M. A., Mohd Subri, I., Ibrahim, M. L., & Abdul Ghani, M. A. (2022). Malaysia sebagai Negara yang Bermazhab: Satu Diskusi Awal. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, *3*(1), 161 - 183. Retrieved from https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/225

Abd Rahman, A. A. (2020). Between the classical Mu'tazilites and Neo-Mu'tazilites: An analysis of Harun Nasution's modern Islamic thought in Indonesia. *Journal of Nusantara Studies*, *5*(1), 336-355. http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol5iss1pp336-355

Abdulfatah Haron Ibrahim. (2010). Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah-Batiniah di Malaysia. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Alfa, M. A. (2015). Ahlussunnah Waljama'ah Sejarah Perkembangan Pemikiran pada Era Awal, Pertengahan, dan Sekarang. Dalam M. I. Esha (Ed.), *NU di Tengah Globalisasi: Kritik, Solusi, dan Aksi*. UIN-Maliki Press.

Azmil Zainal Abidin. (t.t). "Wacana Konsep Sifat Allah SWT Menurut Asha`irah: Kesederhanaan dalam Beriktikad" (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Baso, A., Sunyoto, A., & Mummaziq, R. (2017). *KH. Hasyim Asy'ari: Pengabdian seorang kyai untuk negeri*. Museum Kebangkitan Nasional, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.

Achmad Muhibbin Zuhri, (2013). Kajian Akidah Ilmu Kalam. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.

Syamsul Bakri, (2020). Akhlaq Tasawuf: Dimensi Spiritual dalam Kesejarahan Islam. EFUDEPRESS, Fakultas Ushuluddin dan Dakwah IAIN Surakarta.

Firman Muh. Arif. (2013). Perbandingan Mazhab dalam Lintasan Sejarah. Indonesia Independent Publisher.

Fitriani, A., Siregar, I., & Ramli, S. (2022). Peran Sultan Malikussaleh dalam Perkembangan Kerajaan Samudra Pasai 1297-1326M. *JEJAK: Jurnal Pendidikan Sejarah 2*(1), 11-22.

Jalil, Abdullaah. (2020). Sejarah Kemunculan Teori dan Perkembangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Konvensyen Memperkukuhkan Pemikiran Ahli Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ). Jabatan Agama Islam Selangor.

Kamali, M. H. (2016). Salafism, Wahhabism, and radical Islam. *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*, *7*(4), 541–544.

Kamarzaman, M. H., Stapa, Z., Mahmood, A. R., Ismail, I., Zakariya, W. F. A. W., & Azmi, M. F. (2016). Pengaruh aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah Al-Asha'irah di Nusantara: Analisis abad ke tujuh hingga dua puluh masihi. *Jurnal Penyelidikan Islam*, *28*, 89–111.

Kuzman, Charles. (1998). *Liberal Islam: A Source Book*. New York: Chicago University Press.

Mardiana Nordin. (2020). Kesultanan Melayu Melaka. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Makhsin, M., Azid @ Aziz, N. H., Che Noh, M. A., & Ilias, M. F. (2016). *Pengukuhan aqidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) dalam pendidikan Islam ke arah menangani gerakan Syiah di Malaysia*. *Proceedings of The ICECRS, 1*(1), 305–312. https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.499

Mawardy Hatta. (2013). Aliran Mu'tazilah dalam Lintasan Sejarah Pemikiran Islam. *Ilmu Ushuluddin*, *12*(1), 87-104.

Mokhtar, A. N. (2018, Oktober 27). *Sumbangan ilmuan tasawwuf dalam pemikiran Ash'ariyyah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 2.0: Mengukuhkan Pemikiran Masyarakat Melalui Khazanah Ilmuwan Umat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. http://www.ukm.my/sunni

Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, & Muhammad Faiz Mukmin bin Abdul Mutalib. (2020). Kesesatan dan strategi melawan propaganda Syiah di Malaysia. *Dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5* (PASAK5 2020) (hlm. 1344–1360).

Muniroh, B. (2019). Akal dan Wahyu: Studi Komparatif antara Pemikiran Imam al-Ghazali dan Harun Nasution. Jurnal Studi Islam, 20(2), 41-70.

Nasir, S. A. (2005). The epistemology of kalam of Abu Mansur al-Maturidi. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies, 43*(2), 349-36

Nor Azizah Mustapha, Fariza Mohd Sham, Ahmad Irdha Mokhtar. 2019. Program Dakwah di Institut Pemantapan dan perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM) dalam Memantapkan Akidah Remaja. *Al Hikmah 11*(2) 2019: 3-19

Normaziah Mohd Faudzi, Fadmira Zairin Jalani, Khazri Osman, & Ahmad Irdha Mokhtar. (2023). *Peranan pendidik dalam menerapkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadap pelajar*. Dalam Prosiding Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023, Universiti Kebangsaan Malaysia, 11 Julai 2023.

Nugraha, B., et al. (2024). Eksplorasi Sekte Khawarij dan Impresinya Terhadap Ajaran Islam. *Jurnal Budi Pekerti Agama Islam*, 2(2), 171-178.

Ranti Ayu Sriwahyuni, Nabilah Safira Salamat, Safira Puspa Nugraha, Muhammad Parhan. (2023). Principles of Teaching of the Khawarij Group and its Impact to the Present. *Juspi: Jurnal Sejarah Peradaban Islam*. 7(1), page.72-81.

Rofiq, A. C. (2009). The methodology of Al-Maturidi's Qur'anic exegesis: Study of Ta'wīlāt Ahl al-Sunnah. *Al-Jāmi'ah*, *47*(2), 317–342

Samsul Munir. (2019). Syaikh Nawawi Al-Bantani Tokoh Intelektual Pesantren.

Saputra, D., Fatwa, A. M., Arifin, M. R., & Amin, M. (2026). Khilafiyah dan perbandingan mazhab. *Journal of Artificial Intelligence and Digital Business (RIGGS)*, *4*(4), 13254-13267. https://journal.ilmudata.co.id/index.php/RIGGS

Shahrom, H., & Mustafar, F. W. (2021). Sejarah Ketamadunan Islam di Brunei. Jurnal Tuah, 2, 34-42.

Syamilatul Sufia Abdullah dan A'dawiyah Ismail. 2022. Kebimbangan dan Peranan Ibu dalam Menjaga Akidah dan Akhlak Anak-anak dalam Era Digital. *Jurnal Pengajian Islam*. 15(1): 195- 207

Syarif, D., Zulkarnain, I., & Sofjan, D. (2017). Anti Shi'ism in Indonesia: Genealogy, development, and methods. *Harmoni: Jurnal Multikultural & Multireligius*, *16*(1), 24–37.

Wahab, M. R., Ramli, W. A. W., Amin, W. M. A. M., Azmi, M. F., Khairuddin, W. H., Mahyuddin, M. K., Yasin, R., & Isa, N. A. M. (2019). Kritikan liberalisme terhadap institusi Islam dalam wacana negara sekular: Satu penelitian awal. *Jurnal Al-Ummah*, *1*, 37–99

Wahab, M. R., & Hamat, M. F. (2018). Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah dan al-Ash'ari: Satu pengenalan. *Jurnal Penyelidikan Islam, 30*, 1–32

Wahiddin, H., et al. (2021). Teologi Jabariyah dan Qodariyah dalam Tinjauan Sejarah Islam Periode Klasik. *Local History & Heritage*, 1(2), 34-41.

Ma'rufah, Yuni (2023) *MAN HUM AHLU SUNNAH WAL JAMAAH : Telaah Kritis Hadis-hadis Ahl as-Sunnah wa al-Jama'ah.* Cet.1 ed. Lintang Hayuning Buwana, Yogyakarta. ISBN 978-602-60778-1-3

Yusuf, Y. M., Rahiem, V. A., & Fitrananda, C. A. (2024). Media sosial sebagai media pendidikan agama Islam. *JUDIKA: Jurnal Diseminasi Kajian Ilmu Komunikasi, 2*(1), 1–9. https://doi.org/10.30743/jdkik.v2i1.8521